

04 FEB 2002

Rashid-Mahathir

BEKAS ORANG KUAT KOMUNIS PUJI KEPIMPINAN DR MAHATHIR

Oleh: Adenan Jahaya

YALA (Selatan Thailand), 4 Februari (Bernama) -- Bekas pemimpin kanan

Parti Komunis Malaya (PKM) Rashid Maidin memuji kepimpinan Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad yang telah membawa banyak pembangunan kepada Malaysia, ada

antaranya yang di luar dugaan.

Rashid, 85, yang menetap di sebuah kampung tidak jauh dari sini, berkata bahawa daripada laporan media yang beliau ikuti, Malaysia telah

mencapai kejayaan demi kejayaan hasil kebijaksanaan Dr Mahathir termasuk

menjadi pengeluar kereta nasional, satu pencapaian yang tidak pernah dimimpikan pada zaman penjajahan.

"Kalau tidak dia (Dr Mahathir), siapa lagi. Anak (awak) cakap siapa.

Parti lain datuk lain, apa dia buat," katanya kepada wartawan Malaysia yang

melawat kediamannya di Kampung Chulaporn, Yaha (ulang Yaha), 60 km dari

sini semalam.

Bekas Komander Rejimen Ke-10 PKM itu berkata bahawa berdasarkan pengamatannya, beliau mendapati Dr Mahathir seorang pemimpin yang ikhlas

dalam perjuangannya.

"Ini jelas, siapa yang ikhlas hati untuk tanah air. Jangan fikir kejayaan ini boleh timbul sendiri sahaja," kata Rashid yang menetap di

kampung terpencil itu sejak lebih 10 tahun lalu bersama isterinya Salamah

Abdullah, 73.

Beliau bersyukur dengan kedamaian yang dirasainya sekarang meskipun

tidak menetap di tanah air sendiri.

"Saya bersyukur kerana kerajaan beri bantuan penempatan kepada bekas

anak buah saya di Malaysia. Mereka orang saya dahulu," katanya yang setiap

hari membaca akhbar Berita Harian.

Ditanya mengapa beliau memilih untuk menetap di Thailand, Rashid berkata, beliau sedia untuk pulang ke Malaysia dengan syarat tertentu

termasuk menyediakan ganjaran kewangan dan kemudahan lebih baik.

Namun, katanya, setakat ini beliau merasa selesa di Thailand dengan

diberi bayaran bulanan 540 baht (RM50), tanah serta ternakan.

Rashid yang juga ketua kampung Chulaporn, berharap imej pegganas yang masih dilabelkan kepada bekas-bekas pemimpin dan anggota PKM dihapuskan.

"Berilah kami taraf manusia. Kita sudah dianggap pegganas selama berpuluh tahun. Ini (seolah) kami bukan manusia," katanya yang telahpun

menunaikan fardu haji dua tahun lalu bersama isterinya.

Rashid yang kali terakhir melawat keluarganya di Gopeng, Perak dua tahun lepas berkata, walaupun berada di Thailand, beliau tetap mengikuti perkembangan di tanah air melalui media.

Akhbar Malaysia yang dibeli di bandar Yala setiap hari menjadi rujukannya mengenai perkembangan semasa tanah air tetapi kadangkala beliau kurang senang dengan berita-berita mengenai masalah tertentu di dalam negara.

"Tuduh itu, tuduh ini. Malas (hendak) baca. Tak baca tak sedap pula.

Bila baca tak sedap perasaan," katanya.

Ditanya mengenai keganasan yang cuba dilakukan oleh Kumpulan Militan Malaysia dan Al Maunah, beliau berkata, keadaan itu akan membantutkan pembangunan.

"Sampai ke mana (hasil keganasan ini?)," kata Rashid yang kini menghabiskan sisa hidupnya dengan beramal ibadat.

Beliau menunjukkan sebuah masjid yang mereka bina sendiri di kampung itu yang belum siap.

"Kami dah siap kira-kira 70 peratus masjid ini. Harap ia akan siap melalui bantuan orang yang bersimpati," katanya.

Turut melawat perkampungan yang dihuni oleh 100 penduduk terdiri daripada bekas pemimpin dan anggota PKM serta keluarga mereka ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan bekas kadi wilayah Satun di selatan Thailand, Datuk Mara Noh.

-- BERNAMA

AD MFJ MAI